



IKLAN JAWATAN KOSONG JURUTEKNIK PERUBATAN GRED U19

INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

1. (a) Jawatan: : Juruteknik Perubatan
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Universiti Sains Malaysia/ Hospital Universiti Sains Malaysia
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perubatan Dan Kesihatan (U)
- (d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pelaksana
- (e) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan SPM
- (f) Gred : U19
2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
U19	RM 1,360.00	RM 4,052.00	RM 100.00

- Imbuhan Tetap : Khidmat Awam : RM 115.00
Perumahan : RM 300.00

3. Syarat Lantikan
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c) Kelayakan Lantikan Ke Gred U19 : Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek sains pada peringkat peperiksaan tersebut.
- Gaji Permulaan : U19: RM 1,360.00
- DAN**
- Syarat Lantikan Tambahan : -
- Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap/ Kontrak

6. Ringkasan Tugas : **Umum**

Bertanggungjawab membantu dalam menyediakan aksesori rawatan seperti blok sinaran, topeng cegah gerak, leg rest, dental mould, aksesori tray untuk linac, aksesori peralatan QC serta pengumpulan data bagi tujuan rawatan pesakit.

Khusus

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Keutamaan akan diberikan kepada staf tetap/kontrak yang sedang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia/ Hospital Universiti Sains Malaysia.

PENDAFTAR

